

Soalan 1 hingga Soalan 7

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Murid lelaki itu menggoyangkan kepalanya apabila Cikgu Hakim mengajukan soalan yang memerlukan daya pemikiran yang tinggi. Tiada kesalahan.

A
B
C
D
- 2 Para pemimpin diingatkan agar utamakan kepentingan rakyat dalam menjalankan tugas. Tiada kesalahan.

A
B
C
D
- 3 Mereka memperdengar bunyi orang bercakap ketika melalui rumah tinggal itu. Tiada kesalahan.

A
B
C
D
- 4 Adik sedang tidur ketika ibu pergi ke pasar untuk membeli ikan. Tiada kesalahan.

A
B
C
D
- 5 Pihak polis telah menahan enam orang murid kerana disyaki terlibat dalam kejadian buli murid. Tiada kesalahan.

A
B
C
D
- 6 Pada setiap pagi, orang tua itu bersenam dan jogging di Taman Tasik Perdana. Tiada kesalahan.

A
B
C
D

- 7 Beliau menjelaskan bahawa peminjaman kata bahasa asing itu dilakukan untuk memperkayakan bahasa Melayu. Tiada kesalahan.

A
B
C
D

Soalan 8 hingga Soalan 12

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mempunyai kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mempunyai kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 8 Kami akan lawat ke Putrajaya pada bulan depan.

A Kami akan melawat ke Putrajaya
B Kami akan melawat Putrajaya
C Kami akan lawatan ke Putrajaya
D Kami akan lawat ke Putrajaya
- 9 Abang Hashim memperkebuni tanah pusaka peninggalan ayahnya sejak dua tahun lalu.

A berkebun tanah pusaka peninggalan ayahnya
B perkebunan tanah pusaka peninggalan ayahnya
C pengebun tanah pusaka peninggalan ayahnya
D memperkebuni tanah pusaka peninggalan ayahnya
- 10 Pak Cik Agus bertanya tentang khabar keluarga saya apabila saya menelefonnya semalam.

A bertanya khabar
B bertanya khabar
C tanyakan tentang khabar
D bertanya tentang khabar
- 11 Semua peserta perkhemahan dinasihati agar sentiasa berkelakuan baik dan patuh peraturan perkhemahan.

A pematuhan peraturan perkhemahan
B patuhkan peraturan perkhemahan
C mematuhi peraturan perkhemahan
D patuh peraturan perkhemahan

- 12 Mereka menerus akan pendakian gunung itu walaupun masing-masing keletihan.
- A meneruskan pendakian
 - B teruskan pendakian
 - C menerus pendakian
 - D menerus akan pendakian

Soalan 13 hingga Soalan 16
Pilih ayat-ayat yang betul.

- 13 I Pembinaan bangunan baharu itu akan dapat tampung bilangan murid yang kian bertambah.
II Para peserta program itu sedang menjalani latihan bergayut pada tali.
III Kakak mengirim sepucuk surat kepada datuk di kampung.
IV Rakyat negara itu menangi kematian pemimpin mereka.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan IV sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
- 14 I "Saudara kenal akan pemuda itu?" gadis itu bertanya kepada saya.
II Kami berbincang tentang jamuan akhir tahun kelas.
III Ramli menghampirkan saya.
IV Lee Chong Bok bersiar-siar di pantai untuk bertenang fikirannya.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja

- 15 I Remaja itu tidur dengan berbantal-kan lengan.
II Kerajaan telah menghantar ribuan orang pelajar ke luar negara.
III Para pekerja syarikat itu berjanji untuk bekerja dengan lebih tekun.
IV Amer akan memperisterikan Aznah.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
- 16 I Beberapa orang pelancong sedang menjemur di Pantai Port Dickson.
II Alia bekerja di kilang yang dekat rumahnya.
III Sebelum memulakan majlis, doa dibacakan.
IV Semasa hendak memasuki kawasan sekolah, dia ternampak kotak itu.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja